

GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN KEMUDAHAN Ph.D BAGI PEMEGANG BIASISWA SLAB/SLAI DAN PEMEGANG POLISI CUTI BELAJAR DI DALAM NEGARA

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pemegang biasiswa SLAB/SLAI dan pemegang polisi cuti belajar di dalam negara di peringkat pengajian Ph.D di dalam negara mengenai kelulusan **pembiayaan program penyelidikan di luar negara (maksimum 6 bulan)**

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan memperkasa kakitangan akademik di Universiti awam khususnya yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D bagi membolehkan pengalaman dan ilmu yang diperolehi dapat memantapkan penyelidikan dan penyediaan tesis mereka.

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.10/2017 bertarikh 5 April 2017 telah bersetuju hanya membiayai program penyelidikan di luar negara sahaja. **Walaupun bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kemampuan kewangan semasa UniSZA.**

2.0 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Bagi memastikan pertimbangan yang sewajarnya diberikan pada pemohon, beberapa kriteria telah digariskan sebelum sebarang kelulusan diberikan. Kriteria – kriteria tersebut sepertimana berikut :

- i) **Hanya diluluskan sekali sepanjang pengajian**
- ii) **Calon yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ph.D tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi**
- iii) **Calon telah terbukti lulus dalam kertas cadangan penyelidikan (Ph.D Candidature)**
- iv) **Memilih universiti yang tersenarai dalam QS Top 100**
- v) **Mempunyai co- supervisor di luar Negara**
- vi) **Mendapat persetujuan daripada universiti pilihan tersebut**
- vii) **Elaun dibayar menggunakan mata wang tersebut**



- 3.3 Calon dikehendaki melengkapkan maklumat seperti yang dinyatakan dalam **Borang A3 Penyelidikan Luar Negara**.
- 3.4 Permohonan hendaklah dikemukakan selewat – lewatnya 3 bulan daripada tarikh penyelidikan.
- 3.5 Permohonan yang dikemukakan tanpa maklumat/ lampiran yang lengkap tidak akan dipertimbangkan.

4.0 KAWALAN DAN KOS PERUNTUKAN

- 4.1 Dalam memastikan kawalan kos yang efektif dapat dilaksanakan, jenis – jenis elaun yang layak dibayar sepertimana berikut:
 - i) Elaun sara hidup mengikut negara
 - ii) Yuran penyelidikan
 - iii) Tiket penerbangan pergi dan balik
 - iv) Passport
 - v) Visa (sekiranya ada)
 - vi) Elaun pakaian panas
- 4.2 Peruntukan tuntutan perjalanan hanya dibenarkan sekali sahaja dan mengikut kadar kelayakan.
- 4.3 Maklumat terperinci pembiayaan kewangan mengikut negara adalah sepertimana di **Lampiran A**.